

Gerakan berkembang tak jejas BN — Dr Goh

KUALA PILAH, Isnin — Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Goh Cheng Teik berkata penubuhan lebih banyak bahagian dan cawangan parti Gerakan di seluruh negara tidak akan menjejaskan kedudukan parti lain dalam Barisan Nasional.

Katanya, penubuhan itu ialah bagi memperluaskan pengaruhnya untuk membantu memperkuatkan Barisan Nasional.

Dr. Goh yang juga Pengerusi Biro Politik Gerakan berkata demikian di majlis makan malam sempena penubuhan cawangan Gerakan di sini malam tadi.

Ahli Exco Negeri, Encik Ahmad Haji Kassim yang mewakili Menteri Besar, berkata hubungan rapat dan kerjasama di antara parti komponen Barisan Nasional perlu dipertingkatkan menjelang pilihanraya akan

datang.

Sementara itu, di Ipoh kira-kira 3,000 orang menghadiri jamuan malam untuk mengutip derma bagi membina bangunan parti itu malam tadi.

Antara yang hadir ialah Menteri Besar, Datuk Seri Haji Wan Mohamed Haji Wan Teh, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong dan Presiden parti, Datuk Dr. Lim Keng Yaik. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia